



اَوَّلُ سَبِيْقِي تَيْكُنُ لَوِيْنِ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



**MAJLIS
PERWAKILAN
PELAJAR
SESI 2022/2023**

**PERATURAN TETAP PERSIDANGAN
PARLIMEN MAHASIWA UiTM 2023
SIDANG PERTAMA**

PERKARA 1: PERUNTUKAN AM

PENGENALAN

1. Tujuan
Peraturan Tetap Persidangan Parlimen Mahasiswa disediakan bertujuan untuk memastikan persidangan berjalan dengan teratur dan mencapai matlamatnya.
2. Tafsiran
Yang di-Pertua Parlimen Mahasiswa boleh memberi tafsiran dan membuat keputusan sekiranya berbangkit sebarang persoalan tentang peraturan ini atau perkara lain yang berkaitan dengannya dan tafsiran serta keputusan beliau adalah muktamad.

DOKUMENTASI DAN REKOD

3. Persidangan Direkodkan
Perjalanan setiap persidangan hendaklah direkodkan secara bertulis oleh urus setia persidangan Parlimen Mahasiswa.
4. Penyata Rasmi Persidangan
Rekod bertulis sepanjang persidangan hendaklah dimuatkan dalam penyata rasmi persidangan yang disediakan oleh urus setia persidangan Parlimen Mahasiswa dan dibantu oleh pihak Majlis Perwakilan Pelajar.

BAB 2: PERSIDANGAN PARLIMEN MAHASISWA UiTM

KEHADIRAN

5. Kehadiran Perwakilan Parlimen Malaysia
Semua Perwakilan Parlimen Mahasiswa yang telah terpilih adalah diwajibkan hadir dan mengikut persidangan sehingga selesai.
6. Susunan Tempat Duduk
Susunan tempat duduk Perwakilan Parlimen Mahasiswa akan diputuskan oleh Majlis Perwakilan Pelajar dan keputusan adalah muktamad.
7. Urusan Keluar Masuk Dewan Persidangan
Yang di-Pertua Dewan mempunyai budi bicara untuk membenarkan atau menghalang mana-mana pihak dari memasuki Dewan Persidangan. Budi bicara dan tanggungjawab ini bertujuan membolehkan persidangan berjalan dengan lancar dan bebas daripada sebarang gangguan.

PERSIDANGAN

8. Hari dan Masa Persidangan

8.1. Persidangan mengambil masa selama dua (2) hari bermula pada jam 10.00 pagi hingga 1.00 petang dan disambung semula pada jam 2.30 petang hingga 5.30 petang.

8.2. Yang di-Pertua boleh mengurangkan atau melanjutkan masa persidangan jika beliau mendapati perlu berbuat demikian

9. Bahasa Rasmi

Bahasa rasmi persidangan adalah bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Yang di-Pertua Dewan walau bagaimanapun boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris jika keadaan memerlukan sedemikian.

10. Penyata Rasmi Persidangan

Penyata rasmi persidangan hendaklah mengandungi semua ucapan dan perbahasan dalam persidangan. Pelapor akan dilantik bagi membantu menyediakan penyata rasmi persidangan yang terdiri daripada Pegawai Terlatih.

11. Aturan Urusan Persidangan

Aturan urusan persidangan Parlimen Mahasiswa hendaklah mengikut aturan sepertimana berikut:

11.1. Yang di-Pertua Dewan masuk ke dalam Dewan Persidangan;

11.2. Bacaan Doa;

11.3. Kata Alu-aluan Yang di-Pertua Dewan;

11.4. Pembentangan Usul Parlimen Mahasiswa;

11.5. Ucapan menyokong Usul Parlimen Mahasiswa;

11.6. Perbahasan Usul Parlimen Mahasiswa; dan

11.7. Ucapan Penggulungan oleh TNC HEP UiTM.

PERATURAN PERBAHASAN

12. Masa dan Cara Bercakap

12.1. Seseorang perwakilan yang hendak bercakap perlu berdiri sehingga namanya dipanggil oleh Yang di-Pertua Dewan. Seorang perwakilan tidak boleh bercakap selagi namanya belum dipanggil oleh Yang di-Pertua Dewan.

12.2. Apabila terdapat dua (2) orang perwakilan atau lebih yang berdiri serentak, Yang di-Pertua Dewan boleh memanggil perwakilan yang berdiri lebih awal.

12.3. Yang di-Pertua Dewan boleh menghadkan masa bagi perwakilan yang berbahas mengikut keadaan.

13. Kandungan Ucapan

13.1. Seseorang perwakilan dilarang mengeluarkan perkataan yang mengandungi unsur perkauman, agama, penghinaan terhadap negara atau pemimpin negara dan ucapan tidak sopan dalam ucapan masing-masing. Perwakilan dilarang memburuk-burukkan nama perwakilan atau institusi pendidikan tinggi yang lain.

13.2. Perbahasan tidak boleh menyentuh perkara-perkara berikut:

- i. rahsia Kerajaan dan Negara;
- ii. hal-hal berkaitan negara-negara luar yang boleh menjejaskan imej dan hubungan baik dengan negara tersebut; dan
- iii. perkara yang boleh disifatkan mempunyai unsur tuduhan atau prasangka terhadap mana-mana pihak lain.

13.3. Yang di-Pertua Dewan boleh untuk tidak membenarkan mana-mana perwakilan meneruskan ucapan jika ucapan tersebut menyentuh perkara yang dirasakan tidak wajar dibahaskan dalam persidangan.

13.4. Perwakilan boleh mengemukakan cadangan dan penambahbaikan terhadap isu yang dibahaskan tetapi tidak boleh mengubah dasar-dasar Kerajaan sedia ada.

14. Gangguan Semasa Berucap

14.1. Seseorang perwakilan tidak dibenarkan mengganggu semasa perwakilan lain sedang berucap kecuali bertujuan untuk memaklumkan Yang di-Pertua Dewan bahawa berlakunya pelanggaran ke atas Peraturan Persidangan oleh perwakilan yang sedang berucap atau memohon penjelasan mengenai apa yang sedang diucapkan dengan syarat perwakilan yang sedang berucap bersetuju untuk memberi laluan kepadanya.

14.2. Yang di-Pertua Dewan boleh untuk tidak membenarkan mana-mana perwakilan meminta penjelasan sama ada disebabkan kesuntukan masa atau Yang di-Pertua Dewan berpuas hati bahawa perwakilan berkenaan hanya berniat untuk mengganggu perwakilan yang sedang berucap.

15. Tata Kelakuan Perwakilan Semasa Persidangan

15.1. Semasa persidangan sedang berjalan, peraturan berikut perlu dipatuhi:

- i. pergerakan keluar masuk dewan persidangan hendaklah secara sopan dan tertib;
- ii. tidak dibenarkan membaca akhbar, buku, surat dan lain-lain bahan bacaan termasuk alat elektronik melainkan ianya berkaitan dengan perkara yang sedang dibahaskan;
- iii. tidak dibenarkan merokok dalam dewan persidangan;
- iv. semasa perwakilan lain sedang bercakap, semua perwakilan hendaklah diam dan jangan menimbulkan sebarang gangguan;
- v. etika berpakaian yang ditetapkan hendaklah dipatuhi oleh semua perwakilan; dan
- vi. sentiasa patuh kepada arahan Yang di-Pertua Dewan dan hendaklah duduk dan diam apabila Yang di-Pertua Dewan mencelah semasa perwakilan sedang bercakap.

15.2. Mana-mana perwakilan yang berkelakuan tidak wajar atau dengan sengaja melanggar peraturan tetap persidangan atau melakukan apa jua bentuk perlakuan yang dianggap menghina persidangan, dan perlakuan tersebut berterusan walaupun setelah teguran dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan, Yang di-Pertua Dewan hendaklah memberikan amaran secara lisan.

16. Keputusan Yang di-Pertua Dewan Adalah Muktamad

Yang di-Pertua Dewan bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan semua peraturan tetap persidangan sentiasa dipatuhi. Mana-mana perkara yang berkaitan dengan peraturan tetap persidangan, apabila memerlukan keputusan Yang di-Pertua Dewan maka keputusan tersebut adalah muktamad.

17. Undi Dengan Suara

Apabila Yang di-Pertua Dewan meminta supaya keputusan atas sesuatu perkara ditentukan secara undi dengan suara sebaik sahaja selesai dibahaskan, maka pihak yang bersetuju hendaklah menyebut perkataan "Setuju" manakala pihak yang tidak bersetuju hendaklah menyebut perkataan "Tidak Setuju". Keputusan hendaklah diumumkan oleh Yang di-Pertua Dewan berdasarkan kelebihan suara yakni pihak mana yang lebih ramai suaranya didengari semasa undian tersebut.

18. Undi Belah Bahagian

Undi belah bahagian bagi memutuskan suatu keputusan adalah tidak dibenarkan sama sekali di dalam Persidangan Parlimen Mahasiswa.

BAB 3: PERKARA-PERKARA AM

19. Peranan Yang di-Pertua Dewan

Yang di-Pertua Dewan mempunyai budi bicara dan hendaklah memutuskan sebarang perkara yang tidak dinyatakan secara jelas dalam peraturan ini dan keputusan tersebut adalah muktamad.

BAB 4: PINDAAN PERATURAN TETAP PERSIDANGAN

20. Setiausaha Parlimen Mahasiswa berhak membuat sebarang pindaan terhadap peraturan tetap persidangan sekiranya perlu. Setiausaha Parlimen Mahasiswa perlu memaklumkan pindaan tersebut semasa permulaan persidangan yang akan datang.